TEKS UCAPAN

YANG BERUSAHA

TUAN HAJI BAHMAN JAMALUDDIN

PENYELARAS PROGRAM FISIOTERAPI MEWAKILI

PENOLONG REKTOR KAMPUS BERTAM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG

SEMPENA

TOWNHALL BERSAMA DEKAN FSK 2024

DI

DEWAN KULIAH 2

PADA

20 NOVEMBER 2024 / 18 JAMADILAWWAL

1446H(RABU)

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمـــنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ للهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Terima Kasih Pengacara Majlis (Puan Nurshazana Akmal Jamaludin).

1. Yang Berbahagia
Profesor Dr Zulkhairi Hj Amom
Dekan
Fakulti Sains Kesihatan UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam

2. Yang Berusaha
Profesor Madya Dr Siti Nazrina Camalxaman
Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik, FSK UiTM Puncak Alam

3. Yang Berusaha
En Romizan Jathin
Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar, FSK UiTM Puncak Alam

4. Yang berusaha
Profesor Madya Dr Nazri Che Dom
Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri, FSK UiTM Puncak Alam

5. Yang berusaha
Barisan pengurusan kanan FSK UiTM Kampus Puncak Alam, ketua-ketua serta koordinator pusat pengajian, jabatan dan unit.

6. Yang berusaha penyelaras program, ahli jawatankuasa penganjur, para pensyarah dan pegawai.

7. Seterusnya hadirin hadirat, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum w.r.t.

Salam Malaysia Madani dan Salam UiTM Di Hatiku.

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد
كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم
وبارك على سيدنا محمد وعلى آل محمد
كما باركت على آل إبراهيم إنك حميد مجيد

PENDAHULUAN

Bunga melati indah di taman,
Harum semerbak di waktu pagi;
Selamat datang kami ucapkan,
Moga kunjungan diberkati ilahi.

1. Syukur, Alhamdulillah, saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita diberi kesempatan, ruang dan peluang untuk berkumpul di DK 2 Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam pada hari ini bagi menjayakan **SESI TOWNHALL BERSAMA DEKAN FSK 2024.**

2. Pertama sekali, saya bagi pihak kepimpinan dan warga UiTM Kampus Bertam ingin menyampaikan penghargaan dan terima kasih atas kesudian pihak Fakulti Sains Kesihatan, UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam untuk hadir ke kampus kami pada hari yang berbahagia ini. Kehadiran Yang Berbahagia Prof. Zulkhairi Amom serta para ahli delegasi merupakan satu penghormatan besar kepada kami, dan kami amat berbesar hati menyambut kedatangan anda semua.

3. Kunjungan ini adalah lebih daripada sekadar lawatan rasmi, kerana ia melambangkan hasrat kedua-dua kampus untuk mengukuhkan lagi hubungan dalam aspek akademik, penyelidikan, dan

pembangunan profesional yang menyeluruh. Di dalam suasana persaingan pendidikan tinggi yang semakin dinamik dan mencabar, adalah amat penting untuk kita saling bekerjasama dan menggembleng tenaga demi membina masa depan yang lebih cerah dan bermakna bagi pelajar, staf, serta komuniti setempat. Dengan adanya sinergi dan kolaborasi sebegini, kita dapat merealisasikan lebih banyak inisiatif yang memberi manfaat kepada kedua-dua kampus, terutama dalam mengembangkan lagi bidang sains kesihatan yang kita sama-sama usahakan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Selain itu, melalui lawatan ini juga, kami berharap ia akan menjadi titik tolak kepada lebih banyak aktiviti bersama seperti seminar, bengkel, serta program pembangunan staf dan pelajar yang akan meningkatkan lagi tahap profesionalisma serta kepakaran dalam kalangan warga akademik dan pelajar kita.

5. Sekali lagi, saya mewakili seluruh warga UiTM Kampus Bertam mengalu-alukan kedatangan delegasi Fakulti Sains Kesihatan dan berharap agar lawatan ini bukan sahaja membawa kenangan yang indah, tetapi juga membawa hasil yang bermakna dan berimpak tinggi. Marilah kita bersama-sama mengukir sejarah kerjasama yang akan memberi manfaat kepada generasi akan datang.

PENUTUP

Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang tiga;
Hancur badan dikandung tanah,
Budi yang baik dikenang jua.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.